



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(*ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD*)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI
(*MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY & INNOVATION*),
BATU 24, JALAN DENGKIL
43800 DENGKIL.
SELANGOR



08 JULAI 2010
NOTIS PEMBERITAHUAN AELB
Bil. 02/2010

**PENGECCUALIAN PENGIKTIRAFAN PEGAWAI PERLINDUNGAN SINARAN (PPS)
SYARIKAT PENJUAL TENDERING (ORANG TENGAH) YANG HANYA TERLIBAT DARI
SEGI DOKUMENTASI SAHAJA DARI MENDUDUKI PEPERIKSAAN PENSIJILAN PPS**

TUJUAN

1. Tujuan notis pemberitahuan ini adalah memberi pengecualian kepada Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) bagi permohonan lesen di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) yang menjalankan aktiviti Penjual Tendering (bahan radioaktif dan radas penyinaran) daripada mengambil Peperiksaan Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Kertas Penjualan).

LATAR BELAKANG

2. Bagi mendapatkan lesen di bawah Akta 304, PPS merupakan syarat utama sebelum sesuatu lesen boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan. Perlantikan PPS adalah adalah satu keperluan di bawah peraturan 16(1), Peraturan-Peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U.(A) 46]. Bagi memfasilitasi syarikat Penjual Tendering untuk berurusan di bawah Akta 304 serta mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya, langkah-langkah di bawah telah ambil oleh Jabatan AELB.

ARAHAN AELB

3. Pengiktirafan bagi PPS untuk syarikat Penjual Tendering **hanya perlu menduduki Kursus Persijilan Perlindungan Sinaran untuk pegawai sahaja yang dijalankan oleh agensi yang diiktiraf oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom sahaja** sepertimana ditetapkan dalam dokumen LEM/TEK/44 Sem 3 (Bahagian A) bertarikh 15 Mac 2009 bagi bagi menentukan kefahamannya dalam asas

perlindungan sinaran, penggunaan alatradas, prosedur perlindungan sinaran, prosedur kawalan biasa dan prosedur semasa keadaan luar biasa bagi radas penyinaran dan bahan radioaktif.

4. Syarikat Penjual Tendering juga **diberi pengecualian daripada mempunyai lencana filem bagi permonitoran personal dan alat pengawasan sinaran kawasan** dengan mengambilkira bahawa Penjual Tendering ini sememangnya tidak memiliki, mengangkut dan mengendalikan peralatan sinaran seperti yang dinyatakan dalam syarat lesen yang dikeluarkan tetapi hanya terlibat dalam urusan dokumentasi tender peralatan sinaran.

5. Perlantikan PPS yang dilantik oleh pemegang lesen hendaklah menepati syarat-syarat kelayakan, pengalaman serta kualiti seperti tersebut di bawah-

- 5.1 berumur tidak kurang dari lapan belas tahun pada tarikh permohonan;
- 5.2 mengikuti kursus Persijilan Pegawai Perlindungan Sinaran untuk Pegawai dengan pengkhususan (bidang Penjualan);
- 5.3 mempunyai apa-apa latihan yang boleh menjamin beliau mempunyai pengetahuan yang sesuai mengenai ciri-ciri sinaran mengion yang digunakan di dalam kerja-kerja yang diusahakan oleh pemegang lesen;
- 5.4 mempunyai kesedaran mengenai Akta 304 dan perundangan subsidiarinya, bahan-bahan panduan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan kerja-kerja beliau;
- 5.5 berkebolehan untuk memberi nasihat supaya pemegang lesen boleh melaksanakan apa yang diperlukan daripada mereka oleh Akta 304 dan perundangan subsidiarinya; dan
- 5.6 telah mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan AELB.

PENUTUP

6. Jika terdapat sebarang pertanyaan berhubung dengan notis pemberitahuan ini, sila berhubung melalui alamat di bawah;

Pengarah
Bahagian Dasar, Kod & Standard
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi
Batu 24, Jalan Dengkil
43800 Dengkil
Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon :03-89225888
No.Faks :03-89223685
E-mail :pbs@aelb.gov.my
Laman Web :http://www.aelb.gov.my